

12 MAY 2003

Mahathir-Schroeder (Bergambar)

DR MAHATHIR HARAP JERMAN MAIN PERANAN KEMBALIKAN KEYAKINAN TERHADAP PBB

PUTRAJAYA, 12 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta Jerman dan negara-negara seperjuangan agar berusaha untuk mengembalikan keyakinan terhadap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan undang-undang antarabangsa.

Ia kerana, kata beliau apabila undang-undang dan konvensyen-konvensyen antarabangsa diketepikan oleh mereka yang menggubal dan memperjuangkannya maka huru-hara antarabangsa boleh berlaku.

"Negara-negara yang lemah tidak boleh lagi diharap akan mematuhi undang-undang dan konvensyen antarabangsa jika keselamatan mereka terancam," katanya semasa berucap pada Jamuan Makan Malam meraikan Canselor Jerman Gerhard Schroeder di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata negara-negara kecil kini hidup dalam ketakutan bukan sahaja daripada penganas tetapi juga daripada tindakan unilateral oleh negara-negara kuat.

"Kita tidak boleh mengharapkan perlindungan daripada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana negara-negara yang kuat seperti Amerika Syarikat dan Britain boleh menyerang Iraq tanpa keizinan PBB," katanya.

Oleh itu kata beliau, negara kecil seperti Malaysia berasa lega melihatkan kepimpinan Jerman serta beberapa negara Eropah mempunyai pendirian teguh terhadap pencerobohan Iraq dan masih percaya kepada PBB dan konsensus antarabangsa.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa Malaysia percaya ketegangan dan pergolakan yang berlaku di dunia sekarang mempunyai kaitan dengan tindakan merampas wilayah Arab Palestin untuk dijadikan negara Israel.

"Sejak dari itu tidak ada lagi kestabilan dan keamanan di Timur Tengah. Dan sekarang ketidakstabilan itu telah merebak hingga ke seluruh dunia. Ini adalah punca sebenar berlakunya keganasan di seluruh dunia yang kita lihat hari ini," kata beliau.

Dr Mahathir berkata masyarakat dunia sepatutnya berusaha untuk mengenalpasti sebab-sebab berlakunya konflik Palestin-Israel.

"Tetapi sebaliknya kita lihat terdapat usaha untuk mengganas terhadap penganas-penganas bagi menyekat mereka. Sekarang negara-negara di dunia sedang diancam dan ditakluk walaupun tiada bukti penglibatan mereka dalam keganasan," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa serangan ke atas Iraq dilihat oleh dunia Islam sebagai satu usaha untuk menakutkan negara-negara Islam memandangkan penganas bukanlah di bawah kawalan sesebuah kerajaan.

"Mereka juga tidak selalunya berada di negara sendiri. Mereka boleh berada di mana-mana, di United Kingdom umpamanya, dan sebagai orang yang sudah putus asa dan marah mereka tidak berasa terhalang.

"Peperangan menentang keganasan tidak akan berjaya walaupun semua negara Islam ditakluki. Sebagai pejuang kebebasan negara, mereka akan bermati-matian untuk menentang penjajahan," kata beliau.

Menyentuh mengenai Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang membawa kesan buruk ke atas ekonomi Asia Timur, Perdana Menteri mencadangkan supaya wang diperuntukkan untuk pusat-pusat penyelidikan penyakit bagi menjalankan pengesanan awal dan menyekat merebaknya penyakit-penyakit baru yang akan muncul.

Ini kerana kata beliau tindakan masyarakat dunia untuk menangani wabak SARS serta penyakit-penyakit lain yang baru wujud seperti Mad Cow, Ebola,

Japanese Encephalitis adalah tidak tersusun.

"Ada kemungkinan penyakit-penyakit ini dan penyakit-penyakit baru akan merebak ke seluruh dunia dan menyebabkan kerosakan yang amat besar.

"Secara logiknya kita boleh menjangka lebih banyak penyakit baru akan muncul. Dunia kini perlu merangka satu strategi dan mempunyai kebolehan untuk menghadapi penyakit-penyakit baru ini," katanya.

Oleh itu kata Dr Mahathir: "Adalah sungguh baik sekali sekiranya sebahagian kecil peruntukan kewangan untuk senjata diperuntukkan kepada penubuhan pusat-pusat yang dapat bertindak pantas ke atas penyakit-penyakit baru ini di seluruh dunia."

Jamuan itu turut dihadiri oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Datin Seri Endon Mahmood serta orang-orang kenamaan.

Schroeder yang tiba di sini semalam adalah dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini. Beliau dan rombongannya adalah dalam lawatan selama enam hari ke negara-negara Asia Tenggara dan dijadualkan akan meneruskan lawatannya ke Singapura, Indonesia dan Vietnam esok.

Schroeder dalam ucapannya berkata Jerman yakin Malaysia akan terus menyumbang kepada kestabilan serantau dan mengambil pendirian tegas menangani keganasan dan kumpulan fanatik agama.

"Negara anda boleh bersandar kepada tradisi toleransi dan kepelbagaian yang harmoni, dengan itu terus menjadi contoh kepada negara-negara lain yang mempunyai pelbagai kaum dan agama.

Schroeder berkata beliau gembira kerana berpeluang mendapatkan gambaran Malaysia secara langsung.

"Ia satu pengalaman yang menarik apabila menaiki lif di menara pejabat yang tertinggi di dunia. Menara itu menjadi simbol pembangunan negara ini. Kejayaan bagaimanapun satu proses panjang yang kadang kala akan berdepan dengan masalah," katanya.

Beliau berharap lebih ramai rakyat Jerman akan menikmati kemesraan yang diberikan oleh Malaysia kepada pelancong dan ahli perniagaan yang berkunjung ke sini.

Schroeder juga gembira kerana banyak syarikat Jerman dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi Malaysia yang membanggakan.

-- BERNAMA

NM HM JK MOZ